



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-1/5/19 JLD.4 (3)

Tarikh : 9 Januari 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

**YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Wira/Datuk Seri/
Tuan/Puan,**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENSIJILAN PROGRAM KESELAMATAN
DAN KUALITI MAKANAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(PKKM, KKM) SEBAGAI PRA-SYARAT PEROLEHAN PEMBEKALAN
MAKANAN BERMASAK/PERKHIDMATAN PENYEDIA MAKANAN DALAM
PEROLEHAN KERAJAAN (FASA 2.0)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Wira/Datuk Seri/Tuan/Puan, Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan pelanjutan dan peluasan pelaksanaan Pensijilan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai pra-syarat perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan bagi fasa 2.0.
3. Pelaksanaan rintis terdahulu yang dilaksanakan mulai 9 Januari 2025 hingga 30 November 2025 mengenai pra-syarat pengemukaan salah satu pensijilan PKKM iaitu *Trust MyCatering* (TMC), Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS) atau Penyenaian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*) dalam perolehan Kerajaan melibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) sekitar Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya dan WP Kuala Lumpur telah memberikan impak yang positif dalam mengurangkan kejadian keracunan makanan (KRM), berdasarkan Laporan Keberkesanan dan Ketersediaan Pelaksanaan Pensijilan PKKM, KKM yang telah dijalankan sepanjang tempoh rintis tersebut.
4. Sehubungan itu, sebagai langkah memperkemas dan memberi ketersediaan berperingkat kepada agensi dan industri, pelaksanaan pensijilan PKKM sebagai pra-syarat perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan oleh agensi Kerajaan dipersetujui untuk dilanjut dan diperluas ke fasa 2.0 berdasarkan ketetapan berikut:

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-1/5/19 JLD.4 (3)

Tarikh : 9 Januari 2026

- (a) Diwajibkan bagi semua perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan yang dilaksanakan oleh semua PTJ beralamat di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Perincian penetapan seperti di **Lampiran B1 - 1**;
- (b) Diwajibkan bagi perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan di dalam premis institusi terlibat yang dilaksanakan oleh PTJ di bawah kementerian, di seluruh Malaysia seperti senarai di **Lampiran B1 - 2**;
- (c) Terpakai bagi perolehan yang dilaksanakan secara tender terbuka, sebut harga, pembelian terus dan juga perolehan yang menggunakan PK7;
- (d) Diwajibkan ke atas perolehan yang melibatkan pelantikan pembekal berdaftar Kementerian Kewangan (MoF) di bawah kod bidang 040103, 040104 atau 222501. Syarat ini juga terpakai kepada pelantikan pembekal tidak berdaftar MoF yang memberikan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan bagi perolehan pembelian terus bernilai tidak melebihi RM20 ribu;
- (e) Pengemukaan sekurang-kurangnya salah satu sijil yang dikeluarkan PKKMM, KKM iaitu sama ada TMC, BeSS atau *Home-based Food* oleh pembekal hendaklah dijadikan sebagai pra-syarat di peringkat kajian pasaran/pelawaan serta dokumen sokongan bayaran;
- (f) Pembekal dilantik hendaklah mengemukakan salah satu daripada pensijilan PKKMM berkaitan semasa pengemukaan tawaran/tuntutan bayaran, tertakluk kepada syarat ditetapkan;
- (g) Agensi yang melantik pembekal hendaklah menyemak dan memastikan pembekal mempunyai salah satu pensijilan dikeluarkan oleh PKKMM, KKM yang masih sah dan berkuat kuasa sepanjang tempoh pembekalan dilaksanakan;
- (h) Pelaksanaan perolehan selain daripada perenggan 4(a) dan 4(b) adalah digalakkan dalam tempoh rintis fasa 2.0; dan

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-1/5/19 JLD.4 (3)

Tarikh : 9 Januari 2026

- (i) Agensi perlu merujuk kepada PKKM, KKM berkaitan pensijilan yang dikeluarkan termasuk urusan permohonan sijil oleh pembekal/pengesahan pensijilan. PKKM, KKM turut akan memperluas sesi taklimat kesedaran berkenaan program pensijilan/pengiktirafan ini kepada semua kementerian dan pengusaha makanan sepanjang tempoh pelaksanaan.

5. Selaras dengan ketetapan pelaksanaan di perenggan 4 di atas, penguatkuasaan pelaksanaan rintis fasa 2.0 ke atas semua PTJ terlibat adalah mulai **1 Februari 2026 hingga 30 Januari 2027**.

6. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Rintis Pensijilan PKKM Sebagai Pra-Syarat Perolehan Pembekalan Makanan Bermasak/Perkhidmatan Penyedia Makanan Dalam Perolehan Kerajaan (Program Rintis Fasa 2.0) seperti di **Lampiran B** untuk rujukan jua. Sukacita dimohon perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Wira/ Datuk Seri/Tuan/Puan untuk memastikan pelaksanaan perolehan Kerajaan dengan mengambil kira elemen pensijilan PKKM dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus dan tata kelola yang baik agar hasrat dan objektif pelaksanaan dapat dicapai seperti disasarkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)

Bahagian Perolehan Kerajaan

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan Malaysia

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-1/5/19 JLD.4 (3)
Tarikh : 9 Januari 2026

s.k.:

KSP

TKSP(M)

TSK(D)

TSK(O)

TSK(K)

TSK(S)

YBrs. Ts. Mahamad Sukor bin Senapi

Pengarah

Kementerian Kesihatan Malaysia

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

Aras 4, Menara Prisma

No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3

62675 W.P. PUTRAJAYA

- Perhatian bagi perkara di perenggan 4(i).



KERAJAAN MALAYSIA

**Garis Panduan Pelaksanaan Rintis Pensijilan
Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM),
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Sebagai Pra-Syarat Perolehan Pembekalan Makanan
Bermasak/Perkhidmatan Penyedia Makanan
Dalam Perolehan Kerajaan**

(Program Rintis Fasa 2.0)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

Garis Panduan Pelaksanaan Rintis Pensijilan Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Sebagai Pra-Syarat Perolehan Pembekalan Makanan Bermasak/Perkhidmatan Penyedia Makanan Dalam Perolehan Kerajaan
(Program Rintis Fasa 2.0)

1.	Pendahuluan.....	1
2.	Mekanisme Pelaksanaan	1
3.	Tarikh Kuat Kuasa	4

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran B1 - 1 : Penetapan Keperluan Pengemukaan Pensijilan Pkkm Berdasarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Beralamat Di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur, Labuan, Selangor, Negeri Sembilan Dan Melaka
- Lampiran B1 - 2 : Senarai Kementerian Yang Terlibat Dalam Pelaksanaan Rintis Pensijilan Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Sebagai Pra-Syarat Perolehan Pembekalan Makanan Bermasak/Perkhidmatan Penyedia Makanan Dalam Perolehan Kerajaan (Fasa 2.0)
- Lampiran B2 : Garis Panduan Pelaksanaan Keperluan Pensijilan Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM,) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Sebagai Syarat Perolehan Pembekalan Makanan

LAMPIRAN B

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN RINTIS PENSIJILAN
PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (PKKM),
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SEBAGAI PRA-SYARAT
PEROLEHAN PEMBEKALAN MAKANAN BERMASAK/PERKHIDMATAN
PENYEDIA MAKANAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN [FASA 2.0]**

1. Pendahuluan

- 1.1. Pelaksanaan pensijilan PKKM iaitu *Trust MyCatering* (TMC), Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS), atau Penyenaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*) adalah merupakan intervensi pembudayaan keselamatan makanan termasuk pemerksaan melalui pensijilan jaminan keselamatan makanan dilaksanakan oleh KKM untuk memastikan pengusaha makanan yang membekalkan makanan mempunyai satu standard bagi menghasilkan makanan yang selamat.
- 1.2. Pelaksanaan pensijilan ini juga sebagai usaha dalam mencapai sasaran yang ditetapkan oleh *World Health Organization* (WHO) dalam *Global Strategy for Food Safety* bagi penurunan 40% kadar kejadian penyakit *diarhoeal* bawaan makanan per 100,000 populasi menjelang 2030.
- 1.3. Penguatkuasaan pelaksanaan pensijilan PKKM sebagai pra-syarat perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan secara rintis bagi fasa 2.0 melibatkan:
 - (a) semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) beralamat di Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka; dan
 - (b) semua PTJ yang melaksanakan perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan bagi institusi terlibat di bawah kementerian seperti di **Lampiran B1 - 2**, di seluruh Malaysia.

2. Mekanisme Pelaksanaan

- 2.1 Pengemukaan pensijilan PKKM terpakai bagi perolehan melibatkan makan minum yang dilaksanakan secara tender terbuka, sebut harga, pembelian terus dan juga perolehan yang menggunakan PK7, sama ada secara manual ataupun melalui Sistem ePerolehan (eP). Walau bagaimanapun, syarat pensijilan PKKM tidak

terpakai bagi perolehan tertakluk kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement – FTA*).

- 2.2 Perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan yang melibatkan pelawaan menggunakan kod bidang 040103, 040104 atau 222501. Penetapan syarat juga terpakai kepada pelawaan bagi perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan secara pembelian terus melibatkan pembekal tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF) bernilai tidak melebihi RM20 ribu.
- 2.3 Semua PTJ yang beralamat di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka diwajibkan untuk mempelawa/melantik pembekal yang memiliki salah satu pensijilan PKKMM bagi penerimaan pembekalan/perkhidmatan di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Namun, sekiranya alamat penerimaan pembekalan/perkhidmatan di luar kawasan WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, agensi dibenar untuk memilih opsyen sama ada menetapkan syarat pensijilan PKKMM atau tidak bagi perolehan berkaitan. Perincian penetapan seperti di **Lampiran B1 - 1**.
- 2.4 Semua PTJ yang melaksanakan perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan di dalam premis bagi institusi terlibat di bawah kementerian seperti di **Lampiran B1 - 2**, di seluruh Malaysia diwajibkan untuk mempelawa/melantik pembekal yang memiliki salah satu pensijilan PKKMM.
- 2.5 Pengemukaan sekurang-kurangnya salah satu pensijilan PKKMM oleh pembekal hendaklah dijadikan sebagai pra-syarat kajian pasaran/pelawaan serta dokumen sokongan bayaran.
- 2.6 Pembekal dilantik hendaklah mengemukakan salah satu daripada pensijilan PKKMM berkaitan (sama ada TMC, BeSS atau *Home-based Food*) semasa pengemukaan tawaran dan wajib dikemukakan bagi tujuan tuntutan bayaran berdasarkan tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.
- 2.7 Perincian mekanisme pelaksanaan pensijilan PKKMM bagi perolehan Kerajaan yang akan diiklankan secara tender terbuka dan sebut harga mulai **1 Februari 2026** adalah seperti berikut:

2.7.1 Penambahan Item Pada Senarai Semak Kewangan

- i. PTJ dikehendaki menambah pensijilan PKKMM sebagai senarai semak

wajib di bawah kategori “Elemen Lain” yang diperuntukkan melalui “sijil-sijil khusus” bagi penilaian kewangan dalam Senarai Semak Kewangan; dan

- ii. bagi perolehan menggunakan Sistem eP, Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah menyediakan senarai semak kewangan tambahan untuk dipenuhi oleh pembekal bagi tujuan semakan pematuhan dan penilaian di mana Jawatankuasa Spesifikasi perlu menambah senarai semak pengemukaan pensijilan PKKMM dengan tetapan seperti berikut:

Tajuk Dokumen	Mekanisme	Tindakan Pembekal	Skor
Sijil PKKMM	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	Tidak ditanda

2.7.2 Semakan pematuhan dokumen pensijilan PKKMM oleh pembida hendaklah dilaksanakan di peringkat pembukaan dokumen tawaran. Sekiranya dokumen pensijilan PKKMM tidak dikemukakan atau bukan merupakan pensijilan/pengiktirafan yang sah, Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebutharga hendaklah menetapkan status pematuhan dokumen sebagai “Tidak Mematuhi” dan mengakibatkan tawaran pembida tidak layak dinilai ke peringkat seterusnya.

- 2.8 Agensi yang melantik pembekal hendaklah menyemak dan memastikan pembekal yang dilantik mempunyai salah satu pensijilan berkaitan daripada PKKMM yang masih sah dan berkuat kuasa sepanjang tempoh pembekalan dilaksanakan.
- 2.9 Agensi adalah tertakluk kepada audit pematuhan oleh PKKMM, KKM terhadap pelanggaran tatacara yang ditetapkan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara tersebut.
- 2.10 PTJ selain yang dinyatakan pada perenggan 2.3 dan 2.4 di atas adalah juga digalakkan untuk melaksanakan pra-syarat pengemukaan pensijilan PKKMM dalam perolehan berkaitan, mengguna pakai mekanisme rintis ini.
- 2.11 Agensi perlu merujuk kepada PKKMM, KKM berkaitan pensijilan yang dikeluarkan termasuk urusan permohonan pengesahan. Perincian Garis Panduan di peringkat PKKMM, KKM adalah seperti di **Lampiran B2**.

3. Tarikh Kuat Kuasa

- 3.1 Penguatkuasaan Garis Panduan Program Rintis Fasa 2.0 adalah bagi perolehan yang dilaksanakan mulai **1 Februari 2026 hingga 31 Januari 2027**.
- 3.2 Penguatkuasaan tatacara bagi tempoh peralihan pelaksanaan **mulai tarikh surat ini sehingga 1 Februari 2026** adalah dihadkan dan dikhususkan dalam keadaan berikut:
- (a) Bagi pembekal yang kontraknya sedang berkuat kuasa dan baki tempoh kontrak adalah melebihi daripada 3 bulan selepas 1 Februari 2026, pembekal perlu mendapat pensijilan PKKMM sebelum tuntutan bayaran atau selewat-lewatnya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat ini dikeluarkan.
 - (b) Peraturan ini tidak terpakai bagi kontrak sedia ada yang akan tamat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat ini dikeluarkan. Namun, syarat pengemukaan salah satu pensijilan PKKMM adalah terpakai bagi kontrak yang dilanjutkan.
 - (c) Perolehan yang telah diiklankan/ditutup sebelum dari tarikh surat ini dikeluarkan/tarikh kuat kuasa/sedang di peringkat penilaian/memuktamadkan perolehan, proses perolehan boleh diteruskan sehingga peringkat Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Syarat pengemukaan pensijilan PKKMM hendaklah dijadikan sebagai syarat untuk dikemukakan oleh pembekal yang diputuskan untuk dilantik sebelum Surat Setuju Terima (SST)/dokumen perjanjian/pesanan Kerajaan dikeluarkan atau sebelum perkhidmatan/bekalan bermula atau semasa proses tuntutan pembayaran, tertakluk kelulusan pensijilan PKKMM dan tidak melanggar AP103(a). Sebarang isu berbangkit mengenai kelulusan pensijilan hendaklah dirujuk kepada PKKMM, KKM mengikut tatacara seperti di **Lampiran B2**.

LAMPIRAN B1 - 1

**PENETAPAN KEPERLUAN PENGEMUKAAN PENSIJILAN PKKM BERDASARKAN
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) BERALAMAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA, KUALA LUMPUR, LABUAN, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN
DAN MELAKA**

ALAMAT PTJ	LOKASI PEMBEKALAN/PENERIMAAN PERKHIDMATAN	STATUS KEPERLUAN SIJIL PKKM
Mana-mana PTJ beralamat di WP Putrajaya.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	WAJIB
Mana-mana PTJ beralamat di WP Kuala Lumpur.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	WAJIB
Mana-mana PTJ beralamat di WP Labuan.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	WAJIB
Mana-mana PTJ beralamat di Selangor.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	WAJIB
Mana-mana PTJ beralamat di Negeri Sembilan.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	WAJIB
Mana-mana PTJ beralamat di Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	WAJIB
Mana-mana PTJ beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat SELAIN di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	DIGALAKKAN
Mana-mana PTJ beralamat SELAIN di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	DIGALAKKAN
Mana-mana PTJ beralamat SELAIN di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat SELAIN di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	DIGALAKKAN

SENARAI KEMENTERIAN YANG TERLIBAT DALAM PELUASAN PELAKSANAAN RINTIS PENSIJILAN PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (PKKM), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SEBAGAI PRA-SYARAT PEROLEHAN PEMBEKALAN MAKANAN BERMASAK/ PERKHIDMATAN PENYEDIA MAKANAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (FASA 2.0)

BIL.	KEMENTERIAN	INSTITUSI YANG DIWAJIBKAN PEMATUHAN SIJIL PKKM	LOKASI PENGHANTARAN/ PENERIMAAN PEROLEHAN
1.	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)	(a) Institut pengajian awam (b) Pusat/Institut latihan awam	<p align="center">Wajib bagi pengemukaan sijil PKKM bagi penghantaran/ penerimaan bekalan/perkhidmatan di dalam premis institusi berkenaan termasuk dewan makan dan kafeteria/kantin</p>
2.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	(a) Sekolah berasrama penuh (b) Sekolah harian Kerajaan (c) Institusi pendidikan (d) Pusat/Institut latihan awam	
3.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	(a) Klinik dan hospital Kerajaan (b) Pusat/Institut latihan awam (c) Institut perubatan/ penyelidikan Kerajaan	
4.	Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)	(a) Pusat/Institut latihan awam/ kemahiran/ perindustrian	
5.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	(a) Pusat/Institut latihan awam/ kemahiran (b) Institusi kebajikan (c) Pusat jagaan	
6.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	(a) Pusat/Institut latihan awam	
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	(a) Institut pengajian awam (b) Pusat/Institut latihan awam/ kemahiran	
8.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	(a) Institut pengajian awam (b) Pusat/Institut latihan awam/ kemahiran	
9.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)	(a) Institut pengajian awam (b) Pusat/Institut latihan awam/ kemahiran (c) Sekolah berasrama penuh	

LAMPIRAN B2**KANDUNGAN**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**

**Garis Panduan Pelaksanaan Keperluan Pensijilan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Sebagai Syarat Pembekalan Makanan**

1.	Pengenalan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Rasional Pelaksanaan	2
4.	Skop	3
5.	Objektif	3
6.	Definisi	5
7.	Syarat Pemakaian Pensijilan Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM)	5
8.	Mekanisme Pelaksanaan	6
9.	Mekanisme Semakan & Pengesahan Ketulenan Sijil	6
10.	Tatacara Permohonan Pensijilan	7
11.	Bayaran	9
12.	Tempoh Sah Laku	9
13.	Carta Alir Permohonan Pensijilan	9
14.	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Rintis	10
15.	Penguatkuasaan Dan Pemantauan	10
16.	Saluran Aduan	11
17.	Promosi Dan Bimbingan	11
18.	Rujukan	12

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran B2 - 1 : Diagram Mekanisme Pelaksanaan Pensijilan PKKMM Sebagai Syarat Pembekalan Makanan
- Lampiran B2 - 2 : Permohonan Pengiktirafan BeSS
- Lampiran B2 - 3 : Pensijilan *Trust MyCatering*
- Lampiran B2 - 4 : Penyenaiaan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*)

LAMPIRAN B2



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEPERLUAN PENSIJILAN KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA (KKM) SEBAGAI SYARAT PEMBEKALAN MAKANAN**

1. PENGENALAN

- 1.1. Garis Panduan ini memberikan panduan mengenai pelaksanaan keperluan pensijilan Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan (PKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS), pensijilan Trust MyCatering atau Penyenggaraan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*) sebagai syarat pembekalan makanan di semua fasiliti kementerian di negeri dan kementerian yang terlibat. Permohonan untuk mendapatkan pensijilan ini adalah terbuka kepada semua jenis pembekal makanan yang dikendalikan di restoran/kedai makan, kantin, kafeteria, rumah kediaman dan mana-mana perkhidmatan makanan yang membekalkan makanan di semua fasiliti kementerian.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009 mewajibkan setiap empunya dan penghuni premis makanan untuk memastikan premis makanan dan pengendali makanannya mematuhi kehendak-kehendak di bawah PPKM 2009. Pemantauan ke atas premis makanan dilaksanakan dengan menjalankan pemeriksaan premis makanan mengikut prosedur ditetapkan.
- 2.2 Kegagalan pengusaha premis mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009 boleh mencetuskan isu keselamatan makanan termasuk penyakit bawaan air dan makanan.
- 2.3 Bagi membantu premis makanan untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan di bawah PPKM 2009, Kementerian Kesihatan melalui PPKM menawarkan beberapa pensijilan dan pengiktirafan kepada premis makanan termasuk pengusaha makanan yang terlibat di dalam perkhidmatan pembekalan makanan.

- 2.4 Pensijilan PKKMM yang terlibat adalah pengiktirafan BeSS, pensijilan *Trust MyCatering*, Penyenaaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*) merupakan pengiktirafan dan pensijilan yang diberikan khusus kepada pembekal makanan dan bertujuan bagi memastikan pengusaha makanan yang membekalkan makanan mempunyai satu standard bagi menghasilkan makanan yang selamat. Pensijilan PKKMM ini membantu pembekal makanan dalam meningkatkan tahap keselamatan makanan serta meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap makanan yang dihasilkan dan mengelakkan kejadian keracunan makanan.

3. RASIONAL PELAKSANAAN

- 3.1 Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang boleh dijadikan penanda aras pembekalan makanan selamat di semua fasiliti kementerian seluruh Malaysia.
- 3.2 Selangor dan Negeri Sembilan merupakan hab utama rangkaian bekalan makanan serta negeri sokongan strategik kepada pusat pentadbiran Persekutuan; peluasan pelaksanaan akan memastikan kawalan keselamatan makanan yang konsisten dan menyeluruh bagi menyokong operasi fasiliti kerajaan dan perkhidmatan awam.
- 3.3 Melaka sebagai destinasi pelancongan utama negara mempunyai kebergantungan tinggi kepada sektor makanan dan perkhidmatan. Peluasan pelaksanaan di Melaka dapat memperkukuh keyakinan pengguna dan pelancong terhadap keselamatan makanan, di samping berfungsi sebagai model amalan terbaik bagi negeri pelancongan dan bandar warisan lain.
- 3.4 WP Labuan sebagai Wilayah Persekutuan di Malaysia Timur mempunyai kepentingan strategik dalam memastikan kesamarataan standard keselamatan makanan di antara Semenanjung dan Borneo.
- 3.5 Pelaksanaan keperluan pengemukaan pensijilan PKKMM daripada pembekal makanan semasa proses kajian pasaran/pelawaan/dokumen sokongan bayaran di semua kementerian terlibat adalah penting bagi memastikan pemilihan pembekal yang mematuhi standard keselamatan dan kebersihan makanan secara konsisten merentasi institusi latihan, universiti awam, sekolah, hospital, asrama dan kafeteria/kantin. Pendekatan ini memperkukuh kawalan keselamatan makanan sejak peringkat perolehan, sekaligus mengurangkan risiko penggunaan pembekal tidak patuh yang berpotensi menyebabkan kejadian keracunan makanan berkelompok.

- 3.6 Pensijilan PKKM akan meningkatkan kawalan sendiri dalam kalangan pengusaha makanan serta menambahkan keyakinan pengguna terhadap tahap keselamatan makanan yang dibekalkan.
- 3.7 Menyumbang kepada usaha pengurangan kes keracunan makanan di Putrajaya dan tindakan pencegahan kepada penyakit bawaan makanan dan air selari dengan sasaran WHO menjelang 2030.
- 3.8 Pensijilan PKKM memberi impak dalam memperkukuhkan kawalan keselamatan makanan secara sendiri (*self regulate*).
- 3.9 Menggalakkan amalan keselamatan makanan dibudayakan oleh semua pembekal makanan di semua fasiliti kerajaan di negeri terlibat, sekaligus menyokong hasrat ke arah Bandar Sihat.

4. SKOP

- 4.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada projek rintis fasa 2.0 mengenai keperluan pelaksanaan pensijilan PKKM sebagai syarat pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan dalam perolehan Kerajaan melibatkan:-
 - (a) semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) beralamat di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka; dan
 - (b) semua PTJ yang melaksanakan perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan bagi institusi terlibat di bawah kementerian seperti di **Lampiran B1 - 2**, di seluruh Malaysia.

5. OBJEKTIF

5.1 Kerajaan

- (a) Menerapkan budaya amalan keselamatan makanan di kalangan pengusaha makanan dan pengguna.
- (b) Membantu Kementerian Kesihatan selaku agensi yang memastikan pembekalan makanan yang selamat dan berkualiti melalui *empowerment through certification*.
- (c) Membantu naik taraf WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan,

Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka sebagai pusat pentadbiran dan pelancongan yang menawarkan makanan selamat dan berkualiti.

- (d) Membantu pembekal makanan dan agensi Kerajaan memahami dan mematuhi mekanisme pelaksanaan keperluan pensijilan PKKM bagi memastikan pemilihan pembekal yang mematuhi standard keselamatan dan kebersihan makanan secara konsisten merentasi institusi latihan, universiti awam, sekolah, hospital, asrama dan kafeteria/kantin.
- (e) Memperkasakan aktiviti pencegahan penyakit bawaan makanan melalui pendekatan *sick care to health care*.

5.2 Pembekal makanan

- (a) Mengamalkan keselamatan makanan secara sendiri (*self regulate*).
- (b) Memenuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- (c) Mempunyai sistem kawalan di dalam proses penghasilan makanan yang selamat.
- (d) Meningkatkan peluang kebolehpasaran produk makanan melalui pensijilan PKKM iaitu Pengiktirafan BeSS, pensijilan *Trust MyCatering* atau Penyenaraian *Home-based Food*.
- (e) Mendapat bimbingan dari segi teknikal dan pelabelan daripada Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), KKM.

5.3 Rakyat

- (a) Mendapat makanan selamat dan berkualiti daripada pengusaha.
- (b) Meningkatkan ketersediaan produk makanan yang mendapat pensijilan PKKM di pasaran.
- (c) Pengurangan kes keracunan makanan khususnya di negeri dan institusi Kerajaan terlibat di seluruh Malaysia.
- (d) Potensi pelaksanaan diperluaskan bersama agensi dan pemegang taruh yang lain.

6. DEFINISI

6.1 Bagi tujuan pensijilan PKKMM ini, definisi berikut adalah terpakai:

(a) Pembekal Makanan

Pihak yang menyediakan, membekal dan mengedarkan makanan di semua fasiliti Kerajaan.

(b) Pengendali Makanan

Mana-mana orang yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan, menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan, mengendalikan makanan yang dibungkus atau tidak dibungkus atau perkakas dalam mana-mana premis makanan.

(c) Pegawai Pembimbing

Pegawai Teknologi Makanan dan Penolong Pegawai Teknologi Makanan yang bertugas di Ibu Pejabat Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri dan juga di Pejabat Kesihatan Daerah. Bertanggungjawab memberi bimbingan berkaitan Pensijilan PKKMM iaitu Pengiktirafan BeSS, pensijilan *Trust MyCatering* atau Penyenaaraan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*).

(d) Bimbingan

Merupakan khidmat nasihat teknikal dan pelabelan yang diberikan kepada pembekal makanan agar dapat mematuhi elemen keselamatan makanan yang ditetapkan.

7. SYARAT PEMAKAIAN PENSIJILAN PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (PKKM)

7.1 Syarat pengemukaan pensijilan PKKMM bagi perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan dalam perolehan Kerajaan adalah diwajibkan kepada:

- (a) semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka; dan

- (b) semua PTJ yang melaksanakan perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan bagi institusi terlibat di bawah kementerian seperti di **Lampiran B1 - 2**, di seluruh Malaysia.
- 7.2 Pembekal makanan perlu mengemukakan salah satu pensijilan PKKMM sebagai prasyarat pelawaan/kajian pasaran serta atau dokumen sokongan bayaran.
- 7.3 Bagi pembekal yang kontrak sedang berkuat kuasa, pembekal perlu mendapatkan pensijilan PKKMM berdasarkan perenggan 3.2, **Lampiran B**.
- 7.4 Peraturan ini tidak terpakai bagi kontrak sedia ada yang akan tamat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat pelaksanaan. Namun, syarat pengemukakan salah satu pensijilan PKKMM adalah terpakai bagi kontrak yang dilanjutkan.
- 7.5 Pegawai PTJ hendaklah menyemak dan memastikan penyedia/pembekal makanan mempunyai salah satu pensijilan yang dikeluarkan oleh PKKMM, KKM yang masih sah dan berkuat kuasa sepanjang tempoh pembekalan.

8. MEKANISME PELAKSANAAN

- 8.1 PKKMM mengemaskini *database* bagi Pensijilan PKKMM.
- 8.2 Agensi menyemak dan megesahkan status pensijilan/pengiktirafan pembekal dalam *database*.
- 8.3 Pembekal mengemukakan salinan sijil PKKMM kepada agensi/kementerian untuk proses perolehan.
- 8.4 Rujuk Diagram Mekanisme Pelaksanaan Pensijilan PKKMM Sebagai Syarat Pembekalan Makanan di **Lampiran B2 - 1**.

9. MEKANISME SEMAKAN & PENGESAHAN KETULENAN SIJIL

- 9.1 Semakan dan pengesahan ketulenan sijil adalah sangat penting bagi mengelakkan sebarang penipuan dan memastikan keselamatan makanan. Malah setiap sijil yang dikeluarkan mempunyai nombor siri sijil yang khas.
- 9.2 Pengesahan ketulenan sijil yang dikeluarkan oleh PKKMM boleh dilakukan melalui semakan status pensijilan pembekal melalui laman sesawang <https://hq.moh.gov.my/fsq/>. Semua pihak termasuk agensi kerajaan, pembekal dan orang awam boleh mengakses maklumat senarai pembekal untuk membuat

semakan dengan mudah dan cepat.

10. TATACARA PERMOHONAN PENSIJILAN

10.1 Pengiktirafan BeSS

Pengiktirafan ini diberikan kepada semua premis makanan jenis kedai makan, restoran, kiosk, outlet makanan dan kenderaan menjual makanan (*food truck*) yang telah mematuhi syarat seperti di bawah:

- (a) Premis berdaftar dengan KKM melalui laman sesawang FoSIM iaitu <https://fosim.moh.gov.my>.
- (b) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana agensi berkaitan.
- (c) Premis mempunyai lesen atau kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau surat pngesahan dari mana-mana agensi berkaitan.
- (d) Mengemukakan sijil Latihan Pengendali Makanan bagi semua pengendali makanan dari sekolah Latihan yang diiktiraf oleh KKM.
- (e) Mengemukakan rekod vaksinasi anti-tifoid oleh pengamal perubatan berdaftar bagi semua pengendali makanan.
- (f) Markah penilaian kebersihan premis adalah melebihi 86% (Gred A).
- (g) Maklumat lanjut berkaitan pengiktirafan boleh dirujuk pada Garis Panduan Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS).

10.2 Pensijilan *Trust MyCatering*

10.2.1. Pensijilan ini ditawarkan kepada mana-mana syarikat yang menjalankan perkhidmatan katering secara skala kecil, sederhana atau besar (*mass*) berdasarkan syarat seperti berikut:

- (a) Premis berdaftar dengan KKM melalui laman sesawang FoSIM iaitu <https://fosim.moh.gov.my>.
- (b) Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

- (c) Premis mempunyai lesen daripada kerajaan tempatan atau surat pengesahan daripada agensi berkaitan (jika berkenaan).
- (d) Mengemukakan sijil Latihan Pengendali Makanan bagi semua pengendali makanan dari sekolah Latihan yang diiktiraf oleh KKM.
- (e) Mengemukakan rekod vaksinasi anti-tifoid oleh pengamal perubatan berdaftar bagi semua pengendali makanan.
- (f) Mengemukakan Senarai Semak Keselamatan Makanan bagi tujuan pemeriksaan KENDIRI.
- (g) Mengemukakan borang permohonan yang telah lengkap diisi.

10.2.2. Borang permohonan bagi Pensijilan *Trust MyCatering* boleh diperolehi dari Ibu Pejabat PKKM, KKM/ Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)/ Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)/ laman web <https://hq.moh.gov.my/fsq>. Permohonan lengkap bersama dokumen dikemukakan kepada JKN atau PKD di mana lokasi premis berada. Maklumat lanjut berkaitan boleh dirujuk pada Garis Panduan *Trust MyCatering* untuk katering skala kecil dan sederhana dan juga Garis Panduan *Trust MyCatering* untuk *mass* katering.

10.3 Penyenaiaan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*)

10.3.1. Penyenaiaan *Home-based Food* terbuka kepada pengusaha *home-based food* yang menghasilkan makanan di dapur rumah untuk tujuan jualan dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Pemohon perlu mengemukakan dokumen permohonan berikut:

- (a) Borang permohonan yang telah lengkap diisi.
- (b) Perakuan Pendaftaran Premis (FoSIM). Pendaftaran premis boleh dibuat melalui laman sesawang FoSIM iaitu <https://fosim.moh.gov.my>.
- (c) Salinan kad pengenalan.
- (d) Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat (SSM) – (jika ada).
- (e) Salinan Sijil Latihan Pengendali Makanan bagi semua pengendali

makanan dari sekolah latihan yang diiktiraf oleh KKM.

- (f) Salinan pelalian vaksin anti-tifoid bagi semua pengendali makanan.
- (g) Senarai Semak Keselamatan Makanan bagi tujuan pemeriksaan KENDIRI.
- (h) Mengemukakan label produk makanan.
- (i) Menyertakan gambar dapur dan ruang penyediaan makanan.
- (j) Senarai produk makanan.
- (k) Senarai semak Kendiri Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*).

10.3.2. Maklumat lanjut berkaitan boleh dirujuk pada Garis Panduan Permohonan Penyenaiaan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*).

11. BAYARAN

11.1 Bagi permohonan baru, pembaharuan dan tambah produk Pensijilan PKKMM iaitu Pengiktirafan BeSS, pensijilan *Trust MyCatering* atau Penyenaiaan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*) **TIADA** bayaran fi dikenakan.

12. TEMPOH SAH LAKU

12.1 Tempoh sah laku bagi pensijilan PKKMM iaitu Pengiktirafan BeSS, pensijilan *Trust MyCatering* atau Penyenaiaan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*) adalah tiga (3) tahun daripada tarikh sijil dikeluarkan.

13. CARTA ALIR PERMOHONAN PENSIJILAN

13.1 Rujuk Carta Alir:

- (a) Permohonan Pengiktirafan BeSS di **Lampiran B2 - 2**;
- (b) Pensijilan *Trust MyCatering* di **Lampiran B2 - 3**; dan
- (c) Penyenaiaan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*)

di **Lampiran B2 - 4.**

- 13.2 Penyedia/Pembekal makanan yang telah memiliki pensijilan keselamatan makanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu *Good Manufacturing Practices* (GMP) atau *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP) adalah layak dipertimbangkan bagi permohonan melalui kaedah *fast track*, yang hanya melibatkan semakan dokumentasi tanpa keperluan pelaksanaan audit di premis.
- 13.3 Manakala penyedia/pembekal makanan yang mempunyai pensijilan keselamatan makanan yang sah seperti *Good Manufacturing Practices* (GMP) atau *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP) atau ISO 22000 yang dikeluarkan oleh *Accredited Certification Body* (ACB) juga layak dipertimbangkan untuk permohonan melalui kaedah *fast track*, tertakluk kepada pengesahan kesahan sijil serta kesesuaian skop pensijilan.

14. ANALISIS KEBERKESANAN PELAKSANAAN RINTIS

- 14.1 PKKMM melaksanakan analisis keberhasilan pensijilan/ pengiktirafan tersebut dalam mengurangkan kadar kes keracunan makanan di premis kerajaan dan mengemukakan laporan analisis kepada Kementerian Kewangan setiap empat (4) bulan.
- 14.2 PKKMM, KKM mengemukakan laporan bilangan pengusaha makanan yang mendapat pensijilan kepada Kementerian Kewangan setiap empat (4) bulan.

15. PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

- 15.1 Pemantauan akan dijalankan ke atas pembekal makanan dalam tempoh pensijilan bagi memastikan kepatuhan berterusan kepada elemen pensijilan.
- 15.2 Aktiviti pensampelan makanan boleh dijalankan bagi tujuan verifikasi sekiranya perlu.
- 15.3 Pembekal perlu memastikan kepatuhan kepada elemen kebersihan dan keselamatan makanan termasuk keperluan perundangan serta tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan.

16. SALURAN ADUAN

16.1 Aduan, pertanyaan dan maklumbalas boleh dibuat melalui:

- (a) Sistem dalam talian Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) KKM.
- (b) Emel rasmi KKM di bekal.kkm@moh.gov.my. Pengadu perlu menyertakan maklumat lengkap seperti:
 - (i) Nama dan nombor pendaftaran syarikat;
 - (ii) Butiran masalah yang dihadapi;
 - (iii) Nombor siri sijil; dan
 - (iv) Dokumen sokongan (jika ada) untuk memudahkan siasatan.
- (c) Panggilan telefon ke Ibu Pejabat PKKM /JKN/PKD untuk melaporkan isu berbangkit.
- (d) Secara bersemuka di Ibu Pejabat PKKM/JKN/PKD berhampiran.

17. PROMOSI DAN BIMBINGAN

17.1 Pembekal perlu meletakkan mesej keselamatan makanan “Amalkan Lihat, Hidu & Rasa sebelum makan”, “Makan dalam tempoh 4 jam” pada label pembekalan makanan berbungkus bagi mesyuarat dan majlis rasmi seperti **Gambar 1** berikut. Ini bertujuan memupuk kesedaran di kalangan pengguna bagi mencegah kes keracunan makanan.



Gambar 1: Contoh pelekat Lihat, Hidu, Rasa

17.2 PKKM membuat hebahan dan promosi di media sosial PKKM termasuk seminar

dan webinar kepada semua agensi dan pembekal terlibat.

- 17.3 PKKM melaksanakan bimbingan dan khidmat nasihat berterusan kepada pembekal makanan.
- 17.4 PKKM memastikan database terkini dikemaskini untuk rujukan agensi.
- 17.5 Pembekal yang tidak mempunyai pensijilan mendapat bimbingan daripada PKKM.

18. RUJUKAN

- 18.1 Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 18.2 Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- 18.3 Garis Panduan *Trust MyCatering* untuk katering skala kecil dan sederhana.
- 18.4 Garis Panduan *Trust MyCatering* untuk mass catering.
- 18.5 Garis Panduan Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS).
- 18.6 Garis Panduan Permohonan Penyenaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*).

Diterbitkan oleh

Kementerian Kesihatan Malaysia
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Aras 4, Menara Prisma
No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya, Malaysia

Tel : 03 88850797 Fax : 03 88850790



<https://hq.moh.gov.my/fsq>



BKKMPutrajaya




BKKMHQ




bkkm_official

PKKM/BK/2021/05/Mac
Revision 1/ 2022/ Dis




CARTA ALIR KELULUSAN PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN BESS




LAMPIRAN B2 - 2

Peringkat JKN



CARTA ALIR KELULUSAN PERMOHONAN PENSIJILAN *TRUST MYCATERING*

1. Peringkat PKD/PKB/PKK



Pemohon sediakan :

- (i) Borang Permohonan
- (ii) Senarai Semak Permohonan
- (iii) Dokumen Sokongan

Semak kecukupan dokumen permohonan.


Maklum kepada pemohon cadangan tarikh verifikasi/audit.

Jalankan verifikasi/ audit dalam tempoh **tiga (3) hari** bekerja dari tarikh permohonan **LENGKAP**.

Maklum pemohon untuk memberi maklumbalas Tindakan Pembedulan dalam tempoh 14 hari dari tarikh Borang Permintaan Tindakan Pembedulan dikeluarkan.

- i) Lengkapkan laporan akhir verifikasi
- ii) Kemukakan salinan set permohonan ke JKN

2. Peringkat JKN



Terima dokumen permohonan dan laporan akhir verifikasi daripada Pegawai Verifikasi (PKD/PKB/PKK)


Semak kecukupan dokumen permohonan

Semak dan sahkan laporan **LENGKAP** permohonan yang dikemukakan

LAMPIRAN B2 - 3

3 hari
bekerja


JKN



Kelulusan permohonan dan kemaskini
Masterlist Pengesyoran Kelulusan
Permohonan Pensijilan Trust MyCatering

1 hari
bekerja

JKN



Sediakan surat iringan beserta lampiran senarai
kelulusan permohonan pensijilan *Trust*
MyCatering dan hantar ke Ibu Pejabat PKKM

3. Peringkat Ibu Pejabat PKKM

Ibu Pejabat PKKM



Terima senarai kelulusan permohonan
pensijilan *Trust MyCatering* daripada JKN

1 hari
bekerja


Ibu Pejabat PKKM



Semak senarai kelulusan bagi permohonan
Pensijilan *Trust MyCatering* oleh JKN dan
maklumat **LENGKAP** yang diterima dan
kemaskini pangkalan data

1 hari
bekerja


Ibu Pejabat PKKM



Sediakan dokumen kelulusan dan cetakan sijil

1 hari
bekerja

Ibu Pejabat PKKM




Edaran sijil dan surat iringan kepada pemohon
dan salinan kepada JKN


Tamat

CARTA ALIR KELULUSAN PERMOHONAN PENYENARAIAAN PENGUSAHA MAKANAN SEDIAAN DI RUMAH (*HOME-BASED FOOD*)

1. Peringkat JKN/PKD/PKB/PKK



CARTA ALIR PERMOHONAN PENYENARAIAAN PENGUSAHA MAKANAN SEDIAAN DI RUMAH (HOME-BASED FOOD)



PKD: Pejabat Kesihatan Daerah
 PKK: Pejabat Kesihatan Kawasan
 PKB: Pejabat Kesihatan Bahagian
 JKN: Jabatan Kesihatan Negeri
 BKKM: Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

Sijil akan dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas penerimaan maklumat kelulusan di peringkat Ibu Pejabat BKKM



HANNAN BINTI MOHD ZAINI (KUSKOP) <hannan.zaini@kuskop.gov.my>

Re: PERKARA: PERTANYAAN MENGENAI SKOP PENSIJILAN BeSS DAN MyTrustCatering (MyTMC) BAGI PREMIS HOTEL

1 message

AZIATUL NUREEN BNT ABDUL AZIZ (MOH-SELANGOR) <aziatul@moh.gov.my>
To: UNIT PEROLEHAN <unitperolehan@kuskop.gov.my>

15 April 2026 at 10:15

Walaikumsalam puan,

Terlebih dahulu pihak kami mengucapkan terima kasih atas pertanyaan yang diajukan.

Berikut adalah jawapan kepada pertanyaan puan:

1) Sekiranya pihak hotel telah memiliki pengiktirafan BeSS, adakah ia sudah memadai untuk memenuhi syarat perolehan PTJ bagi acara seperti seminar/mesyuarat berdasarkan arahan "salah satu sijil sahaja" dalam surat edaran MOF tersebut? atau

a) Pengiktirafan BeSS adalah untuk premis makanan sama ada makanan disediakan, diproses, disimpan, atau dihidangkan untuk jualan seperti medan selera, restoran, kafeteria, kedai makan, café, bistro, coffee house dan kiosk.

b) Bagi pensijilan Trust MyCatering (TMC) pula adalah untuk perkhidmatan penyediaan makanan untuk sesuatu acara, majlis perkahwinan, jamuan, rumah terbuka, seminar, konvensyen, mesyuarat atau majlis-majlis lain.

Oleh itu pihak hotel perlu memohon Pensijilan Trust MyCatering (TMC) jika perlu menyediakan makanan untuk acara seperti majlis perkahwinan, jamuan, seminar, konvensyen, mesyuarat atau majlis-majlis lain.

2) Adakah pihak hotel masih diwajibkan memohon TMC bagi tujuan acara, walaupun pengiktirafan BeSS sudah merangkumi aspek kualiti makanan di premis yang sama?

Masih diwajibkan untuk memohon TMC untuk tujuan acara kerana pengauditan TMC yang dijalankan oleh pihak kami akan merangkumi semua dapur hotel tersebut secara menyeluruh yang menyediakan kesemua menu untuk acara tersebut.

Diharapkan pihak kami telah membantu pihak puan berkenaan perkara ini.

Segala kerjasama daripada pihak puan kami hargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

On Wed, 15 Apr 2026 at 08:49, UNIT PEROLEHAN <unitperolehan@kuskop.gov.my> wrote:

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Puan,

PERTANYAAN MENGENAI SKOP PENSIJILAN BeSS DAN MyTRUSTCATERING (MyTMC) BAGI PREMIS HOTEL

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak puan sedia maklum, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah menguatkuasakan Pelaksanaan Pensijilan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) Sebagai Pra-Syarat Pembekalan Makanan yang Diwajibkan Ke Atas Semua Perolehan yang Dilaksanakan Oleh PTJ Beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Mulai Januari 2025. Berdasarkan surat edaran tersebut, dinyatakan bahawa pembekal hanya perlu mengemukakan salah satu sijil sahaja (BeSS atau TMC) sebagai prasyarat pembekalan.

3. Sehubungan itu, pihak kami ingin memohon pencerahan lanjut pihak puan mengenai situasi berikut:

Lokasi Penganjuran Kursus : Di Hotel
Perkhidmatan : Pakej Mesyuarat (sewaan dewan, makan minum, dan lain-lain)

Soalan

- 1) Sekiranya pihak hotel telah memiliki pengiktirafan BeSS, adakah ia sudah memadai untuk memenuhi syarat perolehan PTJ bagi acara seperti seminar/mesyuarat berdasarkan arahan "salah satu sijil sahaja" dalam surat edaran MOF tersebut? atau
- 2) Adakah pihak hotel masih diwajibkan memohon TMC bagi tujuan acara, walaupun pengiktirafan BeSS sudah merangkumi aspek kualiti makanan di premis yang sama?

4. Pencerahan daripada pihak puan berhubung perkara di atas sangat diharapkan bagi memastikan Kementerian melaksanakan perolehan kerajaan mengikut peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Unit Perolehan
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi



Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.

--

MALAYSIA MADANI

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menjalankan amanah,

(Melalui Email/By Email)

AZIATUL NUREEN BT ABDUL AZIZ

Ketua Penolong Pengarah (KUP) / Principal Assistant Director

Seksyen Rantaian Makanan / Food Traceability Section

Cawangan Industri Domestik / Domestic Industry Branch

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan / Food Safety and Quality Programme

Kementerian Kesihatan Malaysia / Ministry of Health Malaysia

Level 4, Menara Prisma, No. 26,

Jalan Persiaran Perdana

Precint 3, 62675 Putrajaya, Malaysia

Phone : +603 8885 0797 (samb: 4083)/ Fax : +603 8885 0790

Email : aziatul@moh.gov.my / aziatulnureen@gmail.com

Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.

SOALAN LAZIM:

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENSIJILAN PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PKK, KKM) SEBAGAI PRA-SYARAT PEROLEHAN PEMBEKALAN MAKANAN
BERMASAK/ PERKHIDMATAN PENYEDIA MAKANAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (FASA 2.0)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah negeri yang terlibat bagi Pra-Syarat Perolehan Pembekalan Makanan Bermasak/ Perkhidmatan Penyedia Makanan Dalam Perolehan Kerajaan	<p>Berikut senarai negeri yang terlibat:</p> <ul style="list-style-type: none">i. WP Putrajaya,ii. WP Kuala Lumpur,iii. WP Labuan,iv. Selangor,v. Negeri Sembilanvi. Melaka. <p>Semua PTJ yang beralamat di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka diwajibkan untuk mempelawa/melantik pembekal yang memiliki salah satu pensijilan PKKMM bagi penerimaan pembekalan/perkhidmatan di WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.</p>
2.	Apakah Kod Bidang yang terlibat bagi perolehan Pembekalan Makanan Bermasak/ Perkhidmatan Penyedia Makanan Dalam Perolehan Kerajaan?	Perolehan pembekalan makanan bermasak/perkhidmatan penyedia makanan yang melibatkan pelawaan menggunakan kod bidang 040103, 040104 atau 222501.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3.	<p>Sekiranya pihak hotel telah memiliki pengiktirafan BeSS, adakah ia sudah memadai untuk memenuhi syarat perolehan PTJ bagi acara seperti seminar/mesyuarat berdasarkan arahan "salah satu sijil sahaja" dalam surat edaran MOF tersebut?</p>	<p>a) Pengiktirafan BeSS adalah untuk premis makanan sama ada makanan disedia, diproses, disimpan, atau dihidangkan untuk jualan seperti medan selera, restoran, kafeteria, kedai makan, café, bistro, coffee house dan kiosk.</p> <p>b) Bagi pensijilan Trust MyCatering (TMC) pula adalah untuk perkhidmatan penyediaan makanan untuk sesuatu acara, majlis perkahwinan, jamuan, rumah terbuka, seminar, konvensyen, mesyuarat atau majlis-majlis lain.</p> <p>Oleh itu pihak hotel perlu mengemukakan Pensijilan Trust MyCatering (TMC) jika menyediakan makanan untuk acara seperti majlis perkahwinan, jamuan, seminar, konvensyen, mesyuarat atau majlis-majlis lain.</p>
4.	<p>Adakah pihak hotel masih diwajibkan memohon TMC bagi tujuan acara, walaupun pengiktirafan BeSS sudah merangkumi aspek kualiti makanan di premis yang sama?</p>	<p>Ya, perlu memohon TMC untuk tujuan acara kerana pengauditan TMC yang dijalankan oleh pihak kami akan merangkumi semua dapur hotel tersebut secara menyeluruh yang menyediakan kesemua menu untuk acara tersebut.</p>